

08/04/2002

BN Pahang kaji pencapaian pilihan raya DUN Ketari

KUANTAN, Ahad - Barisan Nasional (BN) Pahang akan mengkaji kelemahan dan kekuatannya sepanjang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, Bentong, akhir bulan lalu, bagi dijadikan panduan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Kajian yang dimulakan minggu lalu dan dijangka siap dua minggu lagi, turut mengkaji kelemahan dan kekuatan jentera kerajaan dan pentadbiran, dalam usaha mengatasi masalah rakyat.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata pilihan raya DUN Ketari baru-baru ini, berjaya membuka matanya dan kerajaan negeri bahawa masih ada kelemahan tertentu yang boleh diperbaiki untuk faedah rakyat.

Katanya, rakyat mempunyai sebab berasa tidak puas hati kepada kerajaan dan kemudian membuat aduan jika permohonan yang dikemukakan mengambil masa terlalu lama untuk diproses dan diputuskan.

"BN akan buat satu analisis berhubung kekuatan dan kelemahan termasuk kekuatan dan kelemahan jentera kerajaan dan pentadbiran, berdasarkan pengumpulan maklumat semasa kempen, aduan dan semua isu yang ditimbulkan.

"Contohnya, ada masalah rakyat begitu lama tidak diselesaikan dan kita sudah kenal pasti hal itu. Saya sudah minta Setiausaha Kerajaan Negeri dan jabatan berkenaan membuat perjumpaan, sediakan kertas dan kita akan bincang mengenainya.

"Sebenarnya, kita bukan tak puas hati dengan pentadbiran tetapi ada ruang yang boleh diperbaiki," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Kesihatan Sedunia peringkat negeri, di sini hari ini.

Dalam pilihan raya DUN Ketari, BN menerusi calon Gerakan, Yum Ah Ha, mengekalkan kerusi DUN itu dengan mendapat 7,153 undi, menewaskan calon DAP, Choong Siew Onn, yang memperoleh 4,949 undi.

"Hasil kajian itu penting supaya dalam pilihan raya umum akan datang, tidak banyak aduan rakyat dikemukakan kecuali perkara kecil saja," katanya.

Beliau berkata, antara perkara yang sering dibangkitkan rakyat, termasuk membabitkan tanah, persekolahan anak, lesen perniagaan, perumahan dan mendapatkan kerja kontrak.

"Saya akan selesaikan masalah itu sebelum pilihan raya umum akan datang, bukan saja di DUN Ketari, Bentong tetapi membabitkan semua daerah di Pahang.

"Bagaimanapun, kita beri keutamaan masalah yang perlu penyelesaian segera," katanya.

Sementara itu, mengulas perkembangan cadangan menjadikan Tioman sebagai pulau bebas cukai, Adnan berkata, setakat ini tiada perancangan pembangunan mengenainya dilakukan.

Katanya, kerajaan negeri ingin mengetahui faedah yang diperoleh jika Tioman menjadi pulau bebas cukai dan kemudian merangka perancangan di pulau itu.

"Saya mempengerusikan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) dan kita perlu berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung ideanya terhadap pembangunan di Tioman," katanya.

(END)